

19/02/2001

PM kutuk serangan ke atas Iraq

SHAH ALAM, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengutuk serangan udara tentera Amerika dan Britain ke atas Iraq, Jumaat lalu dengan alasan kononnya ia dilakukan atas sebab-sebab kemanusiaan.

"Saya berasa sedih (terhadap serangan itu) kerana saya punyai harapan besar terhadap kerajaan baru Amerika pimpinan Presiden George W Bush ini dan mahu berbaik-baik dengan mereka.

"Sewajarnya, kerajaan Amerika perlu mengambil masa untuk mengkaji semula dasar kerajaan yang lama berhubung isu Iraq sebelum melancarkan serangan terbabit yang menyebabkan kematian orang awam, bukan tentera.

"Apa yang lebih menyedihkan lagi ialah dakwaan bahawa serangan berkenaan dilancar atas sebab-sebab kemanusiaan. Saya tak tahu kalau bunuh orang boleh dikatakan atas sebab-sebab kemanusiaan," katanya selepas perasmian Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai jet pejuang tentera Amerika dan Britain yang dilaporkan mengebom kawasan sekitar Baghdad, ibu kota Iraq, menyebabkan dua terbunuh dan 20 orang awam cedera.

Serangan itu adalah yang pertama dalam tempoh dua tahun lalu di Baghdad, selain menjadi serangan paling besar sejak Operasi Desert Fox iaitu kempen pengeboman empat hari pada Disember 1998.

Di PULAU PINANG, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika diminta mengulas serangan bom jet pejuang Amerika Syarikat dan Britain ke kawasan sekitar Baghdad kelmarin berkata, Malaysia membantah serangan itu kerana kedua-dua negara terbabit tidak mempunyai sebab munasabah berbuat demikian.

"Seperti kita dapat lihat, bukan semua serangan itu mengenai sasaran tentera, tetapi turut mengenai sasaran awam yang menyebabkan ramai orang awam, termasuk kanak-kanak cedera atau terbunuh.

"Kita minta Amerika tidak ambil tindakan secara sama rata tetapi mesti atas kepentingan dunia menerusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya yang yakin Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) pasti turut mengutuk serangan berkenaan.

(END)